



Personaliti Pilihan

ISaya sentiasa memandang ke hadapan. Walaupun pelbagai rintangan, ujian dan dugaan menjengah di setiap persimpangan kehidupan, namun saya gagahi jua dengan penuh kesabaran dan ketabahan hati kerana Allah SWT masih memberikan saya kekuatan dan semangat. Saya tidak boleh senang mengalah atau tewas di perjalanan kerana sayalah merupakan tonggak untuk kecemerlangan anak-anak saya dan masa hadapan mereka” begitulah kata-kata semangat personaliti pilihan MyUniMAP kali ini. Beliau yang dimaksudkan ialah Puan Norhaiza Binti Che Mat atau lebih mesra dikenali sebagai Puan Haiza. Apabila didekati personaliti ini, beliau ternyata berpekeriti tinggi, ramah, mudah mesra dan sentiasa merendah diri dengan rakan-rakan sejawatannya yang lain. Puan Haiza merupakan Penolong Jurutera Kanan di Jabatan Pembangunan UniMAP dan merupakan seorang ibu tunggal kepada empat orang cahaya mata setelah kehilangan suami yang dicintai hampir empat tahun yang lalu.

Anak bongsu daripada lima orang adik-beradik ini telah dilahirkan pada 1 Januari 1969 di Utan Aji, Kangar Perlis. Anak jati kelahiran Perlis ini merupakan anak kepada pasangan Allahyarham Che Mat Bin Che Wi dan Allahyarhamah Jam Binti Mat Saman. Suami beliau iaitu Allahyarham Encik Hamdani Bin Sayah merupakan bekas Pengurus di Bintong Ready Mixed telah kembali ke Rahmatullah pada 20 Januari 2007. Hasil perkahwinan beliau bersama Allahyarham Encik Hamdani, pasangan ini telah dikurniakan tiga orang cahaya mata lelaki dan seorang perempuan. Putera beliau iaitu Mohamad Qayyim Abshar berumur 20 tahun, Mohammad Zamir Majdi 15 tahun, Muhammad Rafiq Hazmi 12 tahun dan puteri tunggal beliau pula iaitu Nurfarzana Izzati berusia 18 tahun.

Puan Haiza mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Beseri bermula tahun 1976 hingga 1981. Beliau mendapat pendidikan menengah rendah pula di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Kangar pada tahun 1982 hingga 1984 dan Sekolah Menengah Al-Irsyad Seberang Perai, Pulau Pinang pada tahun 1985 hingga 1986. Oleh kerana minat beliau yang mendalam dalam bidang teknikal dan vokasional, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam Selangor dalam bidang Diploma Bangunan pada tahun 1988 hingga 1991.



Beliau memulakan kerjaya di UniMAP atau sebelumnya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 1 April 2003 sebagai Pembantu Teknik. Puan Haiza juga merupakan antara staf wanita yang terawal di KUKUM pada ketika itu. Tidak hairanlah beliau antara staf terawal yang turut membangunkan UniMAP pada ketika itu. Antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang bertugas bersama UniMAP ialah semasa Istiadat Konvokesyen Komemoratif dan persiapan penginapan pelajar-pelajar kemasukan baru UniMAP di Kolej Kediaman Kampung Wai pada ketika itu. Selain daripada itu, pengalaman membantu mangsa-mangsa banjir yang terdiri daripada staf dan pelajar UniMAP juga sentiasa di ingatan beliau. Sebelum melaporkan diri di KUKUM beliau pernah berpengalaman bekerja di Jaya Utara Enterprise sebagai Penyelia Projek, sebagai Jurukur Bahan di Bintong Construction Sdn Bhd. dan di Budi Patriot Sdn. Bhd. Sebagai Pengurus Projek.



Puan Haiza adalah seorang staf yang sentiasa komited terhadap apa jua tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sejak awal berkhidmat bersama-sama UniMAP sehingga ke hari ini. Beliau bukan sahaja komited dalam tugas hakiki beliau malah dalam bidang lain terutama dalam bidang sukan dan penganjuran program universiti. Beliau begitu aktif dalam bidang sukan terutama dalam permainan boling padang di mana beliau telah mewakili UniMAP dan memenangi banyak acara anjuran universiti dan peringkat kebangsaan. Beliau telah mewakili UniMAP dalam acara boling padang di Kejohanan Sukan Staf IPTA, MAKSAK dan Sukan Badan Berkanun bermula tahun 2005 hingga 2010. Beliau pernah membantu pasukan boling padang

NORHAIZA CHE MAT

PENOLONG JURUTERA KANAN, JABATAN PEMBANGUNAN



Di mana beliau telah mewakili UniMAP dan memenangi banyak acara anjuran universiti dan peringkat kebangsaan. Beliau telah mewakili UniMAP dalam acara boling padang di Kejohanan Sukan Staf IPTA, MAKSAK dan Sukan Badan Berkanun bermula tahun 2005 hingga 2010. Beliau pernah membantu pasukan boling padang UniMAP menggondol tempat ketiga dalam Kejohanan Sukan Staf IPTA di mana USM sebagai tuan rumah. Bagi tahun 2011 pula, beliau akan mewakili UniMAP dalam Sukan Badan Berkanun dan MAKSAK.

"Saya melibatkan diri secara aktif di dalam sukan ini dan mewakili UniMAP sejak tahun 2005. Pada mulanya saya hanya berjinak-jinak di dalam sukan ini secara hobi dan sumber riadah pada waktu petang selepas waktu pejabat bagi meningkatkan stamina serta menghilangkan tekanan kerja. Tidak beberapa lama selepas itu, muncul rasa minat dan semangat untuk berkecimpung secara aktif dalam sukan ini". Begitulah cerita personaliti ini bagaimana beliau mula berjinak-jinak dengan sukan boling padang. Menurut beliau melalui sukan inilah beliau juga berpeluang untuk menimba pengalaman dan bertukar-tukar fikiran dengan peserta-peserta dari seluruh pelusuk negeri serta ini memberikan kepuasan tersendiri buat diri beliau di samping berpeluang melawat ke negeri-negeri lain yang tidak pernah beliau lawati. Selain sukan boling padang beliau juga bergiat aktif dalam permainan karom di peringkat universiti.

Bagi peringkat penganjuran program universiti pula, beliau sering menjadi Ahli Jawatankuasa Logistik dan Fizikal atau persediaan tempat bagi sebarang majlis rasmi universiti. Tidak hairanlah beliau merupakan tenaga kerja yang pertama bertugas sebelum berlangsungnya sesuatu majlis dan merupakan orang yang terakhir bertugas setelah majlis selesai. Sifat ringan tulangnya juga amat disenangi hingga sanggup membantu dalam apa jua yang diperlukan. Pengalaman paling manis dalam hidup beliau adalah apabila berpeluang mengikuti Program Jelajah Ilmu ke Australia. "Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y. Bhg. Dato' Naib Canselor kerana mengizinkan saya untuk menyertai program tersebut. Ini adalah kali pertama saya

berpeluang menjejakan kaki ke luar negara kerana mana mungkin impian ke Australia menjadi kenyataan namun inilah realiti ketentuan Illahi. Melalui pengalaman ini, saya menaruh harapan dan berdoa semoga ada anak-anak saya yang dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara pada suatu hari nanti. Amin..." itulah doa beliau atas kesempatan yang telah dikurniakan Illahi.

Puan Haiza yang merupakan seorang anak yatim piatu serta ibu tunggal terus mengagahi kehidupan demi membesarkan anak-anaknya "Walaupun begitu pahit untuk ditelan, namun saya gagahi jua demi masa hadapan anak-anak saya. Mereka perlukan tempat bergantung harap dan bermanja serta berkongsi masalah serta suka duka kehidupan. Semoga Allah sentiasa memberikan saya kekuatan dan ketabahan".

Tidak hairanlah atas perkhidmatan beliau yang sentiasa fokus dan cemerlang serta sumbangan yang tidak terhingga kepada universiti beliau pernah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2006. Arwah ayah adalah merupakan idola beliau. Menurut Puan Haiza, walaupun arwah ayah beliau bukanlah merupakan seorang yang terpelajar namun arwah ayah banyak membakar semangat beliau. "Arwah ayah akan terus memberikan nasihat untuk saya terus mengejar kejayaan walaupun kejayaan itu mungkin terlalu sukar untuk dicapai" Beliau juga masih mengingati nasihat arwah ayah beliau yang paling berharga "Ayah tak akan gembira hanya melihat kejayaan dunia andaikata solat lima waktu tidak ditunaikan.." itulah kata-kata keramat yang beliau akan pegang hingga ke akhir hayat beliau. Beliau sentiasa bermatlamat untuk melakukan yang terbaik dan ingin berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Mengurangkan aduan kerosakan pengguna UniMAP yang diterima dan melaksanakan kerja baikpulihan dengan segera serta berkualiti sentiasa tersemat dalam jiwa beliau. Disamping itu juga Puan Haiza mempunyai harapan yang begitu tinggi untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran beliau dalam bidang kejuruteraan demi untuk terus memartabatkan nama UniMAP gah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. "Saya sentiasa bersyukur kepada Allah SWT kerana masih dikurniakan rezeki yang diberkati dan kesihatan yang baik mengizinkan saya untuk terus mengorak langkah dengan cara saya yang tersendiri demi mengejar kejayaan mendatang...."

